

P.U. (A) 425.**AKTA SARAAN HAKIM 1971****PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2006**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], Yang di-Pertuan Agong, setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2006**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2003.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim 1971 dipinda dalam perenggan 12A—

(a) dalam subperenggan (a)—

- (i) dalam subsubperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “sembilan puluh” dengan perkataan “seratus dua puluh”; dan
- (ii) dengan memasukkan sebelum subperenggan yang bermula dengan takrif ‘ “Gaji bulanan yang akhir diterima” ’ subperenggan yang berikut:

“Pada tahun akhir perkhidmatannya, seseorang Hakim dibenarkan mengumpul cuti rehat bagi maksud Bayaran sebagai Ganti Cuti daripada baki jumlah cuti rehat yang layak bagi dirinya pada tahun itu sehingga maksimum yang sama banyak dengan kadar cuti rehatnya:

Dengan syarat bahawa jumlah cuti rehat yang dikumpulkan itu tidak boleh melebihi maksimum seratus dua puluh hari.”; dan

(b) dalam subperenggan (b)—

- (i) dalam menggantikan perkataan “sembilan puluh” dengan perkataan “seratus dua puluh”; dan
- (ii) dengan memasukkan sebelum subperenggan yang bermula dengan perkataan “Dalam subperenggan ini,” subperenggan yang berikut:

“Pada tahun akhir perkhidmatannya, seseorang Hakim dibenarkan mengumpul cuti rehat bagi maksud Bayaran sebagai Ganti Cuti daripada baki jumlah cuti rehat yang layak bagi dirinya pada tahun itu sehingga maksimum yang sama banyak dengan kadar cuti rehatnya:

Dengan syarat bahawa jumlah cuti rehat yang dikumpulkan itu tidak boleh melebihi maksimum seratus dua puluh hari.”;

Dibuat 27 November 2006

[PM(BK)R. 11880/A/054/22 Jld. 10; PN(PU²)91/III]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

JUDGES' REMUNERATION ACT 1971

JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) REGULATIONS 2006

IN exercise of the powers conferred by section 19 of the Judges' Remuneration Act 1971 [*Act 45*], the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Chief Justice, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Judges' Remuneration (Amendment of Second Schedule) Regulations 2006**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 August 2003.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule to the Judges' Remuneration Act 1971 is amended in paragraph 12A—

(a) in subparagraph (a)—

(i) in subparagraph (i), by substituting for the word “ninety” the words “one hundred and twenty”; and

(ii) by inserting before the subparagraph beginning with the definition of “The last drawn monthly salary” the following subparagraph:

“At the last year of his service, a Judge is allowed to accumulate his vacation leave for the purpose of Payment in Lieu of Accumulated Leave from the balance of the total vacation

leave to which he is entitled for that year up to a maximum which is equivalent to his rate of vacation leave:

Provided that the total vacation leave accumulated shall not exceed the maximum of one hundred and twenty days.”; and

(b) in subparagraph (b)—

(i) by substituting for the word “ninety” the words “one hundred and twenty”; and

(ii) by inserting before the subparagraph beginning with the words “In this subparagraph,” the following subparagraph:

“At the last year of his service, a Judge is allowed to accumulate his vacation leave for the purpose of Payment in Lieu of Accumulated Leave from the balance of the total vacation leave to which he is entitled for that year up to a maximum which is equivalent to his rate of vacation leave:

Provided that the total vacation leave accumulated shall not exceed the maximum of one hundred and twenty days.”.

Made 27 November 2006

[PM(BK)R. 11880/A/054/22 Jld. 10; PN(PU²)91/III]

By Command

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Prime Minister

P.U. (A) 426.

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (KOMPLEKS DAN LABUHAN PERIKANAN) (PINDAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Kompleks dan Labuhan Perikanan) (Pindaan) 2006.**